



KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN BHD

---

(S.O.P.) BAGI MELINDUNGI SPESIS  
TERANCAM DAN MENGEKALKAN  
POPULASI DAN HABITAT

---



	KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN BHD	No.Ruj	<b>KPKKT-PRP 6/MELINDUNGI/REF 01/2022</b>
		Tarikh	17/01/2022
	Prosedur	PROSES PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SPESIS TERANCAM	
	Tajuk	PROSEDUR OPERASI STANDARD (S.O.P.) BAGI MELINDUNGI SPESIS TERANCAM DAN MENGEKALKAN POPULASI DAN HABITAT	
	Disediakan Oleh :	<b>Ketua Jabatan Pematuhan &amp; Projek Khas</b>	<b>Disahkan Oleh,Pengurus Besar Kanan</b>
	Tandatangan & Nama	 EN MUHAMMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHD ZAKI	 EN SUHAIRI BIN SULONG

## 1. PERNYATAAN DASAR

Sebagai syarikat yang diamanahkan bagi menguruskan kawasan dan sumber Hutan Hujan Tropika (HHT) dalam Konsesi ‘Dungun Timber Complex’ (DTC) dan ‘Cherul Forest Concession’(CFC), adalah menjadi tanggungjawab dan matlamat KPKKT agar semua sumber-sumber ekonomi, biologi, fizikal, alam sekitar dan sosial yang terdapat di dalam DTC & CFC seberapa yang boleh, dipelihara dan./.dikekalkan sesuai dengan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam amalan Pengurusan Hutan Mapan atau *Sustainable Forest Management* (SFM), berpandukan kepada Rancangan Pengurusan Hutan yang telah disediakan.

Ke arah ini semua keputusan, arahan dan tindakan yang dijalankan oleh KPKKT, kontraktor yang dilantik serta pekerja mereka adalah dijuruskan ke arah memenuhi aspirasi dasar ini, serta dalam usaha memenuhi kepatuhan kepada prinsip dan kriteria pensijilan *Forest Stewardship Council* (FSC) serta *Malaysian Timber Certification Council* (MTCC). Semua spesis flora dan fauna terutamanya dari jenis yang terancam hendaklah sentiasa di lindungi bagi memastikan kelangsungan populasi mereka dan pengekalan habitat, dengan cara mematuhi dengan sesungguhnya kepada SOP yang ditetapkan.

## 2. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI MELINDUNGI SPESIS TERANCAM DAN MENGEKALKAN POPULASI DAN HABITAT MEREKA

### Objektif Pengurusan

KPKKT akan bersikap proaktif bagi menubuhkan satu rangkaian pengurusan untuk mencegah terjadinya aktiviti haram di habitat yang dikenalpasti di DTC dan CFC dalam usaha mengurus dan melindungi spesis / habitat berkenaan dan populasi mereka. Perkara ini dijalankan dalam kerangka SFM dan dalam konteks pengurusan HCVF bagi Negeri Terengganu yang lebih menyeluruh.

### **Spesis Yang Disenaraikan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Tinggi**

- a) Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biologi yang tinggi (contoh: bersifat endemik, spesis terancam, spesis dilindungi) pada peringkat global, serantau atau nasional dan/atau hutan-hutan pada peringkat lanskap yang besar, di dalamnya mengandungi unit pengurusan, di mana kebanyakannya atau semua populasi yang mampu hidup sendiri ditemui dalam bentuk semulajadi berdasarkan kepada penyebaran dan kuantitinya yang banyak.
- b) Kawasan-kawasan hutan yang mempunyai ekosistem-ekosistem yang jarang ditemui, terancam atau berada dalam keadaan bahaya.
- c) Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan kemudahan-kemudahan asas semulajadi dalam situasi-situasi kritikal (cth: perlindungan kawasan tадahan air, kawasan hakisan)
- d) Kawasan-kawasan hutan yang membekalkan keperluan asas masyarakat-masyarakat tempatan (contoh: mata pencarian, kesihatan) dan/atau secara kritikal kepada identiti budaya masyarakat tempatan (kawasan-kawasan budaya, ekologi, mempunyai nilai ekonomi atau keagamaan yang dikenalpasti dengan bantuan masyarakat tempatan).

### **3. SOP DAN GARIS TINDAKAN**

- a) KPKKT akan memastikan bahawa semua keputusan dan tindakan adalah mematuhi protokol FSC's dan MC&I berhubung dengan pengenalpastian, pengekalan dan pengurusan jangka-panjang serta perlindungan HCVFs berkenaan di dalam DTC & CFC.
- b) Membangun dan menghalusi kepakaran dalaman KPKKT dalam bidang pengurusan HCVF menerusi latihan berterusan dan peningkatan kemahiran kakitangan berkenaan.
- c) Menyebarluas konsep dan amalan pengurusan HCVF kepada seberapa banyak audiensi yang boleh.
- d) Berkerjasama dengan agensi-agensi dan NGO berkaitan, serta pihak-pihak berkepentingan lain dalam urusan pengurusan, penyelidikan dan perlindungan hidupan serta habitat terancam.
- e) Pengumpulan Data dan Maklumat
  - i. Data dan maklumat mengenai spesis terancam dan habitat mereka adalah dikumpul menerusi kaedah-kaedah berikut:
    - Inventori Pre-F dan Post-F serta petak-petak penyelidikan di dalam DTC & CFC
    - Komunikasi dengan komuniti tempatan: penduduk-penduduk sekitar KETENGAH, FELDA, RISDA dan Ladang Rakyat, orang kampung, Orang Asli
    - Dapatan/ penemuan dan pengalaman kakitangan KPKKT, PERHILITAN, JPNT, agensi penguatkuasa, dll

- Nasihat pakar daripada pelbagai organisasi/ NGOs: FRIM, MNS, WWF-Malaysia, akademiks, dll
  - Laporan-laporan.
- ii. KPKKT akan menjalankan verifikasi yang sewajarnya di lapangan berdasarkan laporan yang di terima.
- KPKKT akan berhubung dengan pihak JPNT, JPSM, PERHILITAN dan FRIM bagi maksud mengesahkan status konservasi habitat / spesis yang dikenalpasti.
  - JPNT akan mengeluarkan arahan bertulis kepada KPKKT mengenai tindakan yang wajar dilakukan.
  - Menanda di tanah dan mengasingkan spesis dan habitat berkenaan daripada perancangan pembalakan yang akan datang atau pembinaan jalan atau apa jua gangguan di masa akan datang.
  - Menanda di tanah, saiz yang bersesuaian bagi kawasan konservasi spesis/ habitat berkenaan, membuat sempadan dan, jika perlu membuat papan tanda yang mengandungi maklumat yang sewajarnya.
  - Memantau dan mengenalpasti ancaman-ancaman ke atas spesis dan habitatnya.
  - Merangka strategi bagi konservasi dan perlindungan, mengelakkan/ mengatasi ancaman ke atas spesis dan habitanya.
  - Menjalankan pemantauan lanjut ke atas sumber-sumber berkaitan dan mendokumentasi hasilnya.
  - KPKKT akan melaksanakan apa jua arahan-arahan JPNT berhubung perkara ini di lapangan.
- f) KPKKT akan menyediakan peta-peta menunjukkan lokasi habitat yang dikenalpasti dengan memasukkan perincian-perincian berikut
- Topografi rupabumi, jalan dan akses, sungai, pertempatan manusia, pola guna tanah, dll.
  - Jenis Hutan dan habitat-habitat
- g) KPKKT akan menyediakan jadual masa bagi Pelan Tindakan
- h) Latihan dan peningkatan kemahiran bagi kakitangan dan kontraktor dalam bidang berkaitan
- i) Memperuntukkan bajet yang bersesuaian bagi tujuan ini
- j) Koordinasi dan staffing
  - Kakitangan KPKKT yang ditugaskan bagi tujuan ini bertanggungjawab mengumpul maklumat mengenai spesis terancam serta habita mereka dan melaporkan akan hal ini kepada pihak atasan mereka, dari semasa ke semasa
  - Dokumentasi
- k) Stakeholder Consultation
- l) Perlindungan (termasuk mengenalpasti ancaman-ancaman):
  - Perlindungan daripada pencerobohan dan kecurian

- Perlindungan daripada kebakaran, tanah runtuh, banjir, ribut, dan bencana alam yang lain
- Perlindungan daripada penyakit dan pencemaran
- Perlindungan daripada gangguan dan pengubahsuaian tapak
- Perlindungan daripada kemasukan spesis invasif luar dan spesis eksotik ke kawasan DTC & CFC
- Perlindungan kawasan, pemantauan berkala, pemeriksaan dan penjagaan sempadan, penutupan jalan/ jambatan yang tak digunakan lagi, papantanda amaran dsb.
- R & D termasuk program membaikbiak – ekspedisi saintifik, konservasi *in situ* and *ex situ*, kajian fenologi, genetik, ekologi, rescue harvesting, petak contoh kekal, kajian tapak semaian, koleksi herbarium dan taxidermy,
- Dokumentasi dan peta-peta. KPKKT akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan bersesuaian berhubung perkara ini

**Jadual 1: Rekod ‘Stakeholder Consultation’ Bersama Jabatan Perhutanan**

TARIKH	BUTIRAN PERBINCANGAN	GAMBAR	ULASAN
10/5/2021	Perbincangan bersama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu berkaitan kawasan HCVF di Chengal Besar, Kompartmen 5, Hutan Simpan Pasir Raja.	-	Keadaan laluan masuk ke Chengal besar tidak boleh dimasuki disebabkan struktur permukaan jalan rosak
11/7/2021	Pemakluman keadaan semasa kawasan yang mengandungi pokok Keruing Layang di Kompartmen 31, Hutan Simpan Jerangau.	 	Kawasan kajian dalam keadaan baik

**Jadual 2: Konflik Masyarakat Dengan Masalah Hidupan Liar Dikawasan Konesi KPKKT**

TARIKH	BUTIRAN PERBINCANGAN	ULASAN
18/7/2021	Aduan masyarakat di kawasan sekitar konesi KPKKT, Kompartmen 4, Hutan Simpan Besul, berkaitan gangguan gajah liar dikawasan kebun penduduk dengan penemuan beberapa kesan tapak kaki.	Pihak KPKKT mengambil maklum atas kejadian dan membuat pemantauan berkala dikawasan tersebut.

**Jadual 3: Rekod PERHILITAN Mengenai Kehadiran Hidupan Liar Di Dalam DTC & CFC**


No.	Spesis
1	Gajah ( <i>Elephas maximus</i> )
2	Harimau Belang ( <i>Panthera tigris</i> )
3	Beruang Sun Bear ( <i>Helarctos malayanus</i> )
4	Tapir ( <i>Tapirus indicus</i> )
5	Kijang ( <i>Muntiacus muntjak</i> )
6	Harimau Kumbang ( <i>Panthera pardus</i> )
7	Musang Tengalung
8	Musang Pulut
9	Tupai Gading
10	Tupai Kerawak
11	Biawak ( <i>Varanus salvator</i> )
12	Kelawar (Bat)
13	Kera ( <i>Presbytis melalophos</i> )
14	Beruk ( <i>Macaca nemestrina</i> )
15	Babi Hutan ( <i>Sus barbatus</i> )
16	Snakes (Various species)
17	Birds (Various species)

Sumber: PERHILITAN Dungun & Kemaman Office, Terengganu (2020).

Rujukan: En. Kamarulzaman Bin Mat Seri & En. Zawawi Bin Ismail

## **SPESIS YANG DISENARAIKAN PEMELIHARAAN TINGGI**

- a) Kawasan-kawasan hutan yang mengandungi penumpuan nilai-nilai kepelbagaian biologi yang tinggi (contoh: bersifat endemik, spesis terancam, spesis dilindungi) pada peringkat global, serantau atau nasional dan/atau hutan-hutan pada peringkat lanskap yang besar, di dalamnya mengandungi unit pengurusan, di mana kebanyakan atau semua populasi yang mampu hidup sendiri ditemui dalam bentuk semulajadi berdasarkan kepada penyebaran dan kuantitinya yang banyak.
- b) Kawasan-kawasan hutan yang mempunyai ekosistem-ekosistem yang jarang ditemui, terancam atau berada dalam keadaan bahaya.
- c) Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan kemudahan-kemudahan asas semulajadi dalam situasi-situasi kritikal (cth: perlindungan kawasan tадahan air, kawasan hakisan)
- d) Kawasan-kawasan hutan yang membekalkan keperluan asas masyarakat-masyarakat tempatan (contoh: mata pencarian, kesihatan) dan/atau secara kritikal kepada identiti budaya masyarakat tempatan (kawasan-kawasan budaya, ekologi, mempunyai nilai ekonomi atau keagamaan yang dikenalpasti dengan bantuan masyarakat tempatan).



Jadual 4: Senarai Spesis Terancam dan HCVF dalam DTC & CFC.

SPESIS TERANCAM	HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)	DAERAH	CIRI-CIRI
1. <i>Neobalanocarpus heimii</i> (Chengal Besar)	Kompt. 5, HS Pasir Raja Luas (ha) : 4.0	Terengganu Selatan	Direkodkan sebagai Pokok Chengal terbesar di Semenanjung
2. <i>Johannesteijsmannia altifrons</i> (Pokok Sal)	Kompt. 34, HS Jerangau Luas (ha) : 4.0	Terengganu Barat	Kawasan yang mempunyai taburan pokok sal yang unik dan perlu dilindungi.
3. <i>Dipterocarpus sarawakensis</i> (Keruing Layang)	Kompt. 31, HS Jerangau Luas (ha) : 63.0	Terengganu Barat	Kawasan ini mengandungi spesies pokok Keruing Layang yang merupakan spesies <i>Critically Endangered</i> (CR)

